



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KIT PROGRAM TRANSISI TAHUN SATU 2.0



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KIT PROGRAM TRANSISI TAHUN SATU 2.0

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Terbitan 2022

©Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4, 6 - 8, Blok E9, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, MALAYSIA.

ISBN: 978-967-420-647-5

Terbitan:

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, 6 - 8, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya



KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Rukun Negara	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Alu-aluan	ix
Pengenalan dan Panduan Pelaksanaan	1
Fasa Penyesuaian	9
Fasa Kesediaan	19
Lampiran	
Senarai Semak Kesiediaan Murid	71
Contoh Aktiviti Suai Kenal	75
Contoh Aktiviti Pembelajaran	81
FAQ	89
Brosur	97



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan
usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip
yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97]

KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Program Transisi Tahun Satu 2.0 (PTTS 2.0) dirangka dengan memberi penekanan terhadap aspek sosioemosi, kognitif dan fizikal murid bagi menyediakan mereka menghadapi perubahan, menyesuaikan diri dan membina keyakinan diri di sekolah rendah. Antara hala tuju program transisi adalah sebagai persediaan murid secara holistik termasuk penguasaan literasi dan numerasi asas.




Program transisi ini bukanlah satu program yang baharu tetapi telah dilaksanakan selama tiga bulan mulai tahun 2001. Namun mulai 2007, tempoh program telah disingkatkan kepada tiga minggu. Pada tahun 2021, tempoh program ini dilaksanakan semula selama tiga bulan atas keperluan semasa.

- PTTS 2.0 dilaksanakan mulai kalendar akademik 2022/2023 bagi memastikan semua murid bersedia melangkah ke Tahun 1. Program ini diorganisasi dalam dua fasa iaitu Fasa Penyesuaian dan Fasa Kesediaan. Tempoh masa untuk
- Fasa Penyesuaian ditetapkan selama dua minggu dan bagi Fasa Kesediaan juga adalah selama dua minggu. Pelaksanaan kedua-dua fasa ini memerlukan usaha dan pelibatan semua pihak termasuk pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa/penjaga serta disokong dengan persekitaran yang kondusif.

Bagi merealisasikan hasrat program ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Kit PTTS 2.0 sebagai panduan dan rujukan kepada pihak yang berkepentingan.

KPM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan kit ini.

HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum



Pengenalan dan Panduan Pelaksanaan PTTS 2.0



PTTS 2.0 dilaksanakan bagi memastikan semua murid Tahun 1 daripada pelbagai latar belakang, tahap penguasaan dan kesediaan dapat meneruskan proses pembelajaran mereka seterusnya. Kerangka konsep PTTS 2.0 dibangunkan berasaskan lima aspek iaitu sosioemosi, sikap dan nilai, kognitif (termasuk literasi dan numerasi asas), kreativiti dan estetika serta kesejahteraan fizikal dan kesihatan. Kelima-lima aspek ini dilaksanakan berasaskan pendekatan bertema dan bersepadu. Kejayaan pelaksanaan PTTS 2.0 bergantung kepada kerjasama dan sokongan ibu bapa/penjaga, pentadbir dan guru. Persekitaran sekolah dan rumah yang kondusif serta memberangsangkan juga amat penting dalam proses pembelajaran murid. Kerangka konsep PTTS 2.0 seperti dalam Rajah 1.

PTTS 2.0 amat menekankan kepada persediaan dan penguasaan murid dalam kelima-lima aspek di atas bagi mengupayakan mereka untuk melangkah ke pembelajaran seterusnya di Tahun 1. Bagi merealisasikan hasrat tersebut cadangan aktiviti dalam Fasa Penyesuaian dan Fasa Kesediaan dibina berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 1. Namun begitu, jika terdapat murid yang masih berada di bawah tahap kesediaan dan penguasaan terutamanya dalam literasi dan numerasi asas, guru boleh merujuk kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK Semakan 2017) bagi merancang aktiviti yang sesuai.



Rajah 1: Kerangka Konsep Program Transisi Tahun Satu 2.0

Objektif PTTS 2.0:

1. Membantu murid menghadapi perubahan daripada pendidikan di rumah atau tadika kepada pendidikan formal.
2. Menyesuaikan murid dengan keadaan dan persekitaran sekolah.
3. Membina hubungan antara murid dengan rakan sebaya dan guru.
4. Meningkatkan keyakinan murid dan membentuk sikap positif dalam interaksi sosial serta pembelajaran.
5. Membantu murid mengurus diri sendiri.
6. Menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya.





FASA PTTS 2.0



FASA PENYESUAIAN (DUA MINGGU)

- Mengikut peruntukan waktu sehari yang telah ditetapkan
- Merangkumi aktiviti suai kenal, aktiviti fizikal, aktiviti rutin, aktiviti pembelajaran, perbualan awal dan rehat
- Melaksanakan pelbagai kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menggunakan item dalam Senarai Semak Kesiediaan Murid (Lampiran A)

FASA KESEDIAAN (DUA MINGGU)



- Mengikut jadual Tahun 1
- Dilaksanakan oleh guru mata pelajaran
- Memilih tema mengikut minat, latar belakang dan persekitaran murid
- Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) terbeza berdasarkan tahap kesiediaan murid dan kreativiti guru
- Melaksanakan pelbagai kaedah PBD
- Memastikan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk pembelajaran seterusnya

Pihak pentadbir perlu menjalankan pemantauan pelaksanaan program dari semasa ke semasa bagi kedua-dua fasa untuk memastikan PTTS 2.0 dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Selain itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) juga memainkan peranan yang penting untuk membantu dan memberi sokongan kepada pihak sekolah. Lawatan kunjung bantu ke sekolah boleh dilaksanakan untuk memantau serta membimbing guru dan pihak pentadbir. Pihak JPN, PPD dan sekolah juga perlu melaksanakan penilaian untuk melihat keberkesanan pelaksanaan program tersebut.



PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab pentadbir, guru dan ibu bapa/penjaga adalah penting bagi memastikan PTTS 2.0 dilaksanakan dengan jayanya. Berikut disenaraikan peranan dan tanggungjawab setiap pihak:

Pentadbir

- i. Memahami konsep.
- ii. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan.
- iii. Mengenal pasti guru.
- iv. Bekerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)/Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).
- v. Mengadakan taklimat kepada guru dan ibu bapa.
- vi. Merancang, melaksanakan pemantauan dan penilaian program di peringkat sekolah.
- vii. Memastikan kelancaran program.
- viii. Memberi sokongan dan bimbingan kepada guru.
- ix. Memastikan Prosedur Pengendalian Standard (SOP) semasa sentiasa dipatuhi.


Guru

- i. Memahami konsep dan pelaksanaan program.
- ii. Mengadakan perbincangan dan merancang pelaksanaan program dengan guru lain yang terlibat.
- iii. Melaksanakan fasa penyesuaian selama dua minggu.
- iv. Melaksanakan fasa kesediaan selama dua minggu juga.
- v. Mengetahui tahap perkembangan dan kepelbagaian murid bagi membantu mereka mengikuti pembelajaran seterusnya.
- vi. Melaksanakan pentaksiran berdasarkan senarai semak kesediaan murid semasa fasa penyesuaian.
- vii. Melaksanakan pentaksiran bilik darjah semasa fasa kesediaan.
- viii. Menyediakan pelbagai aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan.
- ix. Memastikan murid dapat menguasai literasi dan numerasi asas.
- x. Memastikan SOP semasa sentiasa dipatuhi.

Ibu Bapa/Penjaga

- i. Menyediakan anak dari aspek mental, sosioemosi dan fizikal.
- ii. Menghubungi guru untuk mengetahui perkembangan anak mereka.
- iii. Memastikan kelengkapan pembelajaran.
- iv. Memerhati tingkah laku, perkembangan dan pembelajaran anak.
- v. Membantu meningkatkan keyakinan anak dalam pembelajaran.

Fasa Penyesuaian



Fasa Penyesuaian dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan murid menyesuaikan diri dengan situasi dan persekitaran sekolah yang baharu serta membina hubungan baik dengan rakan dan guru serta membina keyakinan diri murid untuk berkomunikasi. Fasa ini juga akan menggalakkan pelibatan aktif murid dalam aktiviti pembelajaran. Bagi memudahkan guru melaksanakan fasa ini, cadangan perincian pengisian telah disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada guru.

PELAKSANAAN

Pelaksanaan Fasa Penyesuaian ini adalah seperti berikut:

1. Dilaksanakan selama **DUA MINGGU** mengikut peruntukan waktu sehari yang telah ditetapkan.
2. Pengisian dan peruntukan waktu aktiviti harian dalam fasa ini berdasarkan peruntukan waktu sehari seperti dalam Jadual 1.
3. Pelaksanaan rutin kelas, perbualan awal dan rehat perlu dilaksanakan oleh guru kelas. Manakala aktiviti fizikal, aktiviti suai kenal dan aktiviti pembelajaran perlu dilaksanakan oleh guru mata pelajaran.
4. Penilaian perlu dilaksanakan menggunakan Senarai Semak Kesiediaan Murid seperti dalam Lampiran A.
5. Contoh pelaksanaan aktiviti sehari Fasa Penyesuaian seperti dalam Rajah 2.

Jadual 1: Aktiviti Harian Fasa Penyesuaian

Pengisian	Peruntukan Waktu
Rutin Kelas	30 minit
Perbualan Awal	30 minit
Aktiviti Fizikal	30 minit
Aktiviti Suai Kenal	120 minit
Aktiviti Pembelajaran	60 minit
Rehat	20 minit

Perincian berkaitan aktiviti harian Fasa Penyesuaian adalah seperti berikut:

Rutin Kelas

Rutin kelas terdiri daripada aktiviti pengurusan kelas yang dilaksanakan setiap hari. Tujuan rutin kelas adalah untuk membantu murid belajar dengan kondusif dan selamat. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan semasa rutin kelas adalah seperti berikut:

- ucap selamat
- bacaan doa
- tertib tempat duduk
- merekod kedatangan murid
- membersihkan kelas



i

Perbualan Awal

Perbualan awal merupakan sesi interaksi mesra antara guru dengan murid. Tujuan perbualan awal adalah untuk menyediakan murid dari aspek mental dan emosi supaya mereka dapat mengikuti pembelajaran pada hari tersebut dengan lebih berfokus. Antara aktiviti perbualan awal adalah seperti berikut:

- berkongsi idea dan maklumat
- bercerita
- menyanyi dan membuat gerakan kreatif
- simulasi
- persembahan boneka
- “Jom Baca”



NOTA

Aktiviti “Jom Baca” perlu dilaksanakan pada setiap hari. Tujuan aktiviti ini ialah untuk memupuk tabiat membaca dalam kalangan murid.

Aktiviti Fizikal

Aktiviti fizikal merupakan aktiviti yang melibatkan pergerakan anggota badan dan menggunakan tenaga. Tujuan aktiviti fizikal adalah untuk meningkatkan kecergasan fizikal dan kesihatan diri murid. Antara aktiviti fizikal yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

- bersenam
- bermain
- berjalan
- rekreasi aktif



NOTA

Contoh rekreasi aktif ialah permainan “Datuk Harimau”, bermain bola sepak, aktiviti di padang dan sebagainya.

Aktiviti Suai Kenal

Aktiviti suai kenal ialah aktiviti yang memberi ruang interaksi dalam kalangan murid dengan murid, murid dengan guru dan murid dengan persekitaran. Tujuan aktiviti suai kenal adalah untuk membolehkan murid menyesuaikan diri dengan rakan dan guru serta persekitaran baharu. Antara aktiviti suai kenal yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

- main peranan
- bercerita
- permainan kecil
- dinamika kumpulan



NOTA

Rujuk Lampiran B

Aktiviti Pembelajaran

Aktiviti pembelajaran memberi peluang kepada guru untuk memilih strategi yang sesuai bagi melibatkan murid dalam PdP yang menarik dan menyeronokkan. Aktiviti pembelajaran juga merangkumi literasi dan numerasi asas. Ini adalah untuk memastikan semua murid dapat menguasai asas literasi dan numerasi sebelum mereka mengikuti pembelajaran seterusnya. Bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi asas, guru digalakkan melaksanakan aktiviti prabaca, pratulis dan pranombor. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan bagi pengisian ini adalah seperti berikut:

- menyanyi, bercerita, menyuruh, bermain
 - permainan padanan (matching game)
 - mencantum *puzzle*
 - bermain doh
- menyuruh



NOTA

Rujuk
Lampiran C

Rehat

Waktu rehat diperuntukan untuk murid makan dan minum serta merehatkan minda dan fizikal.

**NOTA**

Guru perlu berada bersama-sama dengan murid pada waktu rehat untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar.



RUTIN KELAS

- Ucap selamat
- Bacaan doa
- Tertib tempat duduk
- Mengambil kedatangan
- Membersih dan mengemas kelas

30 minit



PERBUALAN AWAL

- Bernyanyi dan membuat pergerakan mengikut lagu “Kalau Rasa Gembira”
- Bercerita tentang perasaan

30 minit

AKTIVITI FIZIKAL

- Bersenam
- Rekreasi aktif- Permainan “Datuk Harimau”



30 minit



AKTIVITI SUAI KENAL

Mengenal Kawan

- Permainan mengenali kawan
- Dinamika kumpulan (berkumpul ikut warna kegemaran/bulan kelahiran/makanan kegemaran)
- Memperkenalkan kawan baharu

60 minit



30 minit

AKTIVITI PEMBELAJARAN

Numerasi Asas

- Meneroka nombor dan bentuk dalam kelas
- Membentuk simbol nombor menggunakan doh



AKTIVITI PEMBELAJARAN

Literasi Asas

- Menyanyi lagu huruf
- Menyurih abjad

60 minit

AKTIVITI SUAI KENAL

- Berbincang keadaan fizikal, peraturan dan menu
- Menggambarkan "Kantin Idamanku"
- Mengenal pasti laluan dan tempat cuci tangan dan makan
- Memahami peraturan kantin
- Berkenalan dengan pekerja kantin
- Mengetahui tertib semasa di kantin

30 minit

20 minit



REHAT

- Cuci tangan
- Bimbingan adab makan



Rajah 2: Contoh Pelaksanaan Aktiviti Sehari

Fasa Kesediaan



Fasa kesediaan bertujuan menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya. Fasa ini memberi peluang kepada guru untuk melaksanakan PdP dalam suasana yang bermakna dan menyeronokkan. Ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan murid dalam interaksi sosial dan membentuk sikap positif dalam pembelajaran. Fasa ini dilaksanakan selama dua minggu berdasarkan tahap kesediaan murid mengikut jadual waktu Tahun 1.

Sebelum fasa ini dilaksanakan, guru harus mengenalpasti tahap kesediaan murid dengan melaksanakan penilaian melalui pemerhatian menggunakan Senarai Semak Kesediaan Murid PTTS 2.0 yang terdapat di Lampiran A. Penilaian ini dapat membantu guru merancang dan melaksanakan PdP berdasarkan tahap kesediaan murid mengikut aras pembelajaran dan minat mereka.

PdP dalam fasa ini haruslah sesuai dengan tahap perkembangan dan kesediaan murid. Oleh itu, pendekatan yang disarankan dalam fasa ini ialah pendekatan bertema. Tema yang digunakan sebagai medium pembelajaran memberi murid peluang membuat perkaitan dengan pelbagai disiplin ilmu dan dengan pengalaman sebenar mereka serta menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Guru harus memilih tema yang sesuai mengikut minat, latar belakang dan persekitaran murid seperti yang terkandung dalam Kit PTTS 2.0. Perancangan PdP berdasarkan tema adalah fleksibel mengikut tahap pembelajaran murid yang mana guru boleh memilih tema selain daripada yang dicadangkan. Contoh pengajaran disediakan sebagai panduan dalam merancang aktiviti semasa fasa ini. Guru perlu melaksanakan pelbagai kaedah PBD menggunakan item dalam Senarai Semak Kesediaan Murid sekiranya murid belum menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang digariskan.

Semua guru mata pelajaran perlu berbincang untuk memastikan kesepaduan ilmu dalam pembelajaran murid dapat dicapai sekali gus menggabungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang harus dikuasai oleh murid.

PERANCANGAN PENGAJARAN

Jadual waktu persekolahan semasa fasa ini adalah mengikut jadual waktu Tahun 1. Kit ini mengandungi empat contoh pengajaran berdasarkan tema dan subtema yang sesuai dengan pembelajaran murid. Contoh pengajaran yang disediakan mengikut mata pelajaran Tahun 1 jelas menunjukkan perkaitan disiplin ilmu dalam sesuatu tema. Ini adalah untuk memberi idea kepada guru tentang perancangan dan pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan dan kesediaan murid. Berikut adalah contoh tema yang disarankan:



Rajah 3: Contoh Tema

Guru boleh merujuk kepada contoh pengajaran yang disertakan dalam kit ini. Guru disarankan merancang pengajaran berdasarkan keperluan dan minat murid serta kreativiti guru.

TEMA
KESIHATAN

SUBTEMA
JAGA KEBERSIHAN

BAHASA MELAYU

Objektif

Murid dapat:

- i. bercerita tentang cara-cara mereka mengamalkan norma baharu di sekolah.
- ii. menerangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencegah diri daripada jangkitan COVID-19.
- iii. menyatakan cara-cara mengamalkan kehidupan yang sihat tanpa jangkitan COVID-19 secara lisan atau dalam bentuk tulisan ringkas.

Aktiviti:

1. Guru menayangkan video “Norma Baharu di Sekolah” atau menunjukkan poster “Norma Baharu di Sekolah”.
2. Guru berbincang dengan murid berkaitan video atau poster tersebut.
3. Guru meminta murid bercerita mengenai amalan pencegahan jangkitan COVID-19.
4. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Murid menyenaraikan cara-cara mengamalkan kehidupan yang sihat tanpa jangkitan COVID-19 secara bertulis. (tahap tinggi)
 - ii. Murid menyenaraikan cara-cara mengamalkan kehidupan yang sihat tanpa jangkitan COVID-19 secara lisan. (tahap sederhana)
 - iii. Murid berkongsi pengalaman mereka mengenai norma baharu di sekolah secara lisan. (tahap rendah)

Sumber diperolehi daripada:

Video : <https://bit.ly/3qizBAN>

(MyHEALTHKKM Kementerian Kesihatan Malaysia)

Poster : <https://bit.ly/3tjtnm8>

(<https://www.infosihat.gov.my>)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.



Objective

Pupils can:

- i. name things such as hand sanitizer, thermometer, hand wash, face mask, soap and towel.
- ii. make a zigzag book.
- iii. draw and label the objects learnt.

Activities:

1. Teacher shows objects and pupils name them.
2. Teacher discusses the usage of the items with pupils.
3. Teacher gives a dice which has pictures on the surface to each group. Pupils throw the dice and name the pictures. (This can be an individual or group activity)
4. Teacher shows pupils how to make a zigzag book. Pupils make their own zigzag book.
5. *Teacher asks pupils to complete individual or group activity based on pupils' level and interest in their zigzag book:
 - i. Pupils draw and name the objects learnt. (high level)
 - ii. Pupils paste pictures and name the objects learnt. (medium level)
 - iii. Pupils paste pictures and label the objects learnt. (low level)

* The suggested differentiated activities can be adapted according to your pupils' levels.



MATEMATIK

Objektif

Murid dapat:

- i. membilang objek.
- ii. menamakan nombor bagi kumpulan objek sebagai mewakili kuantiti.
- iii. membandingkan kuantiti dua kumpulan objek.

Aktiviti:

1. Guru menunjukkan objek seperti alat pengimbas suhu, pensanitasi tangan, sabun dan tuala. Murid menamakan objek tersebut.
2. Guru menyediakan himpunan objek di kelas. Murid mengenal pasti bilangan paling banyak dan paling sedikit.
3. Guru meminta murid menyatakan bilangan objek dalam himpunan objek yang ditunjukkan.
4. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menyatakan angka yang paling rendah atau tinggi nilainya dalam lembaran kerja yang disediakan. (tahap tinggi)
 - ii. Membbilang bahan/objek dan menulis angka tersebut dalam lembaran kerja yang disediakan. (tahap sederhana)
 - iii. Mengenal pasti dan menyatakan kuantiti bahan dalam lembaran kerja yang disediakan. (tahap rendah)

Sumber diperoleh daripada:

pdf : <https://bit.ly/3q2ErIE> (BPK, Kementerian Pendidikan Malaysia)

MS Word : <https://bit.ly/3JNVUGp> (BPK, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- * Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.



SAINS

Objektif

Murid dapat:

- i. mengenal pasti deria manusia.
- ii. memerihalkan ciri objek dan persekitaran menggunakan pelbagai deria.
- iii. menyatakan kepentingan menjaga kebersihan diri dan persekitaran.

Aktiviti:

1. Guru membawa pelbagai bahan seperti makanan, alat muzik perkusi, bunga, pewangi, boneka (soft toy), pasir dan garam kasar.
2. Guru memberi bahan-bahan tersebut kepada setiap kumpulan. Murid melaksanakan eksplorasi dengan bahan-bahan tersebut.
3. Guru menayangkan video tentang "Deria Manusia".
4. Guru mengadakan perbincangan tentang aktiviti yang dilaksanakan oleh murid dan perkaitannya dengan deria manusia.
5. Guru menunjukkan gambar persekitaran yang kotor dan berbincang tentang deria yang digunakan untuk mengesan keadaan yang kotor.
6. Guru berbincang dengan murid tentang kepentingan menjaga kebersihan diri dan persekitaran.
7. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menyenaraikan deria yang digunakan untuk mengenal pasti persekitaran yang bersih atau kotor dan kepentingan menjaga persekitaran dan kebersihan diri. (tahap tinggi)
 - ii. Menyenaraikan bahagian tubuh manusia yang berkaitan dengan deria berkenaan. (tahap sederhana)
 - iii. Menyenaraikan deria manusia. (tahap rendah)

Sumber diperolehi daripada:

Video : <https://bit.ly/3ARswLo>
(Cikgu Zoul)

Gambar: <https://bit.ly/3HYQR4G>
(<https://www.freepik.com>)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.



PENDIDIKAN JASMANI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN

(KOMPONEN PENDIDIKAN KESIHATAN)

Objektif

Murid dapat:

- i. menyatakan cara-cara mencuci tangan yang betul.
- ii. menyatakan kepentingan mencuci tangan dengan bersih.
- iii. menyatakan fungsi pensanitasi tangan.

Aktiviti:

1. Guru menunjukkan cara-cara mencuci tangan yang betul. (boleh menggunakan poster, tayangan video atau melaksanakan simulasi)
2. Guru dan murid melakukan simulasi cara mencuci tangan yang betul menggunakan sabun.
3. Guru dan murid berbincang tentang kepentingan mencuci tangan dengan bersih.
4. Guru bercerita tentang pensanitasi tangan.
5. Guru melaksanakan sumbang saran tentang keperluan mencuci tangan dengan sabun sebelum makan termasuk apabila menggunakan pensanitasi tangan.
6. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menyeneraikan kepentingan mencuci tangan dengan bersih secara bertulis. (tahap tinggi)
 - ii. Menyatakan cara-cara mencuci tangan yang betul mengikut urutan secara lisan. (tahap sederhana)
 - iii. Menyusun gambar cara-cara mencuci tangan yang betul mengikut urutan. (tahap rendah)

Sumber diperolehi daripada:

Video : <https://bit.ly/3sQW3kT>
(Win Glory)

Poster : <https://bit.ly/335fkGm>
(<https://www.infosihat.gov.my>)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.



PENDIDIKAN MUZIK

Objektif

Murid dapat:

- i. mengenal alat perkusi.
- ii. memainkan alat perkusi mengikut tempo.
- iii. mendengar dan menyanyikan lagu dengan sebutan yang betul.
- iv. menyanyikan lagu menggunakan alat perkusi.

Aktiviti:

1. Guru memperkenalkan nama alat perkusi seperti kastenet, kerencing dan loceng.
2. Guru dan murid mendengar lagu "Di Sana Virus Di Sini Virus".
3. Guru membimbing murid menyanyikan lagu "Di Sana Virus Di Sini Virus" dengan sebutan yang betul.
4. Guru membimbing murid memainkan alat perkusi mengikut tempo lagu "Di Sana Virus Di Sini Virus".
5. Guru membimbing murid menyanyi lagu dengan menggunakan alat perkusi.
6. *Guru meminta murid melakukan persembahan mengikut kumpulan:
 - i. Kumpulan Satu: menyanyikan lagu "Di Sana Virus Di Sini Virus" dengan sebutan yang betul. (tahap tinggi)
 - ii. Kumpulan Dua: memainkan alat perkusi dengan betul mengikut tempo lagu. (tahap sederhana)
 - iii. Kumpulan Tiga: menyanyikan lagu "Di Sana Virus Di Sini Virus" sambil memainkan alat perkusi. (tahap rendah)

Sumber diperolehi daripada:

Video : <https://bit.ly/3fbrEqZ> (Prasekolah SK Seri Suria)

* Cadangan aktiviti ini adalah berdasarkan kebolehan dan bakat murid yang pelbagai.

BAHAN SOKONGAN



PENDIDIKAN SENI VISUAL

Objektif

Murid dapat:

- mengetahui cara-cara mencegah penyakit COVID-19.
- menghasilkan poster yang kreatif.
- bercerita tentang hasil kerja kepada rakan.

Aktiviti:

- Guru menunjukkan poster pencegahan penyakit COVID-19. Guru dan murid berbincang tentang poster tersebut.
- Guru membimbing murid untuk menghasilkan poster.
- Guru menyediakan bahan untuk menghasilkan poster. *Murid digalakkan untuk menghasilkan poster mengikut kreativiti masing-masing.
- Guru meminta murid bercerita tentang poster yang dihasilkan dengan rakan mereka.

Sumber diperolehi daripada:

Poster : <https://bit.ly/3Fj0Hfz>
(<https://dbook.penerangan.gov.my>)

* Murid diberi keluwesan untuk menghasilkan poster berdasarkan kreativiti masing-masing.



PENDIDIKAN ISLAM

Objektif

Murid dapat:

- i. menyatakan cara-cara menjaga kebersihan diri.
- ii. menyatakan kepentingan menjaga kebersihan diri mengikut sunah Nabi Muhammad SAW.

Aktiviti:

1. Guru menunjukkan peralatan penjagaan kebersihan diri dan meminta murid menamakan peralatan tersebut seperti sabun, tuala, berus gigi serta ubat gigi)
2. Guru meletakkan peralatan atau kad gambar dan kad perkataan di tempat tersembunyi.
3. Guru meminta murid mencari dan memadankan peralatan/kad gambar dengan kad perkataan.
4. Guru bercerita tentang cara-cara menjaga kebersihan diri mengikut sunah Nabi Muhammad SAW dan kepentingannya.



tuala



berus gigi



sabun

5. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menulis cara mengamalkan kebersihan diri seharian mengikut sunah Nabi Muhammad SAW beserta kepentingannya. (tahap tinggi)
 - ii. Membuat simulasi amalan kebersihan diri seharian mengikut sunah Nabi Muhammad SAW beserta kepentingannya. (tahap sederhana)
 - iii. Memadankan/menyebut amalan kebersihan diri mengikut sunah Nabi Muhammad SAW berdasarkan gambar. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

PENDIDIKAN MORAL

Objektif

Murid dapat:

- i. mengetahui tentang tanggungjawab diri.
- ii. menceritakan tentang tanggungjawab diri dan tanggungjawab terhadap rakan.
- iii. menyatakan amalan menjaga kebersihan dan keselamatan diri dalam kehidupan seharian.

Aktiviti:

1. Guru menayangkan video dan berbincang dengan murid berkaitan pandemik COVID-19.
2. Guru dan murid berbincang tentang tanggungjawab diri dalam memerangi pandemik COVID-19.
3. Guru membuat simulasi tentang langkah-langkah keselamatan semasa berada di sekolah (penjarakan sosial, cuci tangan). Guru meminta murid melakukan simulasi juga.
4. Guru meminta murid menyatakan amalan menjaga kebersihan dan keselamatan diri.
5. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Bercerita tentang cara menjaga keselamatan diri dan tanggungjawab terhadap rakan di sekolah daripada jangkitan COVID-19. (tahap tinggi)
 - ii. Menerangkan tentang cara mereka menjaga keselamatan diri daripada jangkitan COVID-19. (tahap sederhana)
 - iii. Membuat simulasi langkah-langkah keselamatan. (tahap rendah)

Sumber diperoleh daripada:

Video : <https://bit.ly/3K4IciA>
(TV3 MALAYSIA Official)

: <https://bit.ly/3FimEeO>
(Radio Televisyen Malaysia)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.



TEMA
DUNIA DI SEKELILING SAYA

SUBTEMA
WARNA

BAHASA MELAYU

Objektif

Murid dapat:

- i. mengenal pasti warna yang terdapat di sekeliling mereka.
- ii. menamakan warna.
- iii. menyusun huruf untuk membentuk perkataan.
- iv. menyatakan warna kegemaran masing-masing.

Aktiviti:


1. Guru membawa murid ke persekitaran sekolah dan meminta murid menamakan objek-objek yang dilihat.
2. Guru meminta murid menghuraikan tentang objek yang dilihat.

Contoh:

- i. Bunga ini kecil.
- ii. Bunga ini berwarna merah.
- iii. Padang ini besar.

3. Guru menunjukkan kad imbasan dan meminta murid menyatakan warna.
4. Guru meminta murid menyatakan warna-warna yang terdapat di sekeliling mereka.
5. Guru memberi kad huruf kepada setiap kumpulan untuk menyusun menjadi perkataan.

Contoh:



6. Guru meminta murid mengeja dan membaca perkataan yang dibentuk.
7. Guru meminta murid berkongsi cerita tentang warna kegemaran mereka kepada rakan-rakan.
8. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menulis tentang pengalaman lawatan ke persekitaran sekolah. (tahap tinggi)
 - ii. Bercerita tentang pengalaman lawatan ke persekitaran sekolah. (tahap sederhana)
 - iii. Melukis, mewarna dan melabel objek yang dilihat di persekitaran sekolah. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

ENGLISH

Objectives

Pupils can:

- i. identify colours.
- ii. follow instructions when teacher recites “Simon Says”.
- iii. identify initial sounds of words.
- iv. blend phonemes to spell words.

Activities:

1. Teacher shows a picture of a garden with colourful flowers. Pupils identify the colours they know.
2. Teacher asks pupils to point to something (red/green etc). Encourage pupils to point to things inside or outside the classroom in small groups
3. Teacher instructs pupils to play “Simon Says” in groups.
4. Teacher shows pupils the flashcards and asks them to tell the colour.
5. Teacher asks them which sound the colour starts with, e.g. green starts with “g”.
6. Teacher nominates pupils to take the letters card or word cards from a box, etc.
7. Teacher shows pupils how to put together the sound cards on the board. (blend phonemes)
8. *Teacher tells pupils to complete individual or group activity based on pupils’ level and interest:
 - i. Pupils put together colour words. (high level)
 - ii. Pupils write colour words in their notebook using the appropriate colour pencil. (medium level)
 - iii. Pupils point to colour as instructed by the teacher. (low level)

Refer to Primary Year One Scheme of Work Lesson 2 (pages 28 & 29) and Lesson 3 (pages 30 & 31).

* Teacher can vary activities according to the level of pupils.

* The suggested differentiated activities can be adapted according to your pupils' levels.



MATEMATIK

Objektif

Murid dapat:

- mengenal pasti nilai wang.
- menamakan nilai wang berdasarkan warna.
- mengenal pasti nilai wang yang rendah dan tinggi.

Aktiviti:

- Guru menunjukkan wang kertas dan berbincang tentang warna dan nilai wang.
- Guru menunjukkan wang satu demi satu dan murid menyebut warna dan nilainya.
- Guru menyebut warna dan murid menyatakan nilai wang.
- Guru meminta murid menyusun wang mengikut nilai rendah ke tinggi.
- Guru bertanya kepada murid tentang barang yang boleh dibeli di kantin atau di koperasi sekolah menggunakan duit RM5.00. (Guru boleh gunakan kaedah yang sama untuk bertanya bagi nilai wang yang lain).
- *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - Menyusun wang mengikut nilai rendah ke tinggi. (tahap tinggi)
 - Menyatakan nilai duit berdasarkan warna. (tahap sederhana)
 - Menyatakan warna yang terdapat dalam duit Ringgit Malaysia. (tahap rendah)



* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

SAINS

Objektif

Murid dapat:

- i. mengenal pasti jenis bunga yang terdapat di sekeliling mereka.
- ii. menamakan bunga.
- iii. menyatakan warna bunga.
- iv. bercerita tentang bunga kesukaan mereka.

Aktiviti:

1. Guru memperkenalkan pelbagai jenis bunga yang terdapat di persekitaran murid. Guru menyediakan beberapa jenis bunga/kad bunga daripada pelbagai warna.
2. Guru memberi bunga kepada murid untuk diperhati.
3. Guru meminta murid menyatakan nama dan warna bunga.
4. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Mengklasifikasi bunga yang berbau dan tidak berbau. (tahap tinggi)
 - ii. Menyenaraikan bunga yang terdapat di persekitaran. (tahap sederhana)
 - iii. Menyusun kad gambar bunga mengikut warna. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

PENDIDIKAN JASMANI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN

(KOMPONEN PENDIDIKAN JASMANI)

Objektif

Murid dapat:

- i. melakukan balingan bawah tangan.
- ii. melakukan balingan atas kepala.
- iii. menangkap atau menerima objek yang dibaling.

Aktiviti:

1. Guru dan murid melaksanakan aktiviti memanaskan badan.
2. Guru menunjuk aktiviti balingan bola/pundi kacang bawah tangan dan meminta murid melakukannya.
3. Guru menunjuk aktiviti balingan bola/pundi kacang atas kepala dan meminta murid melakukannya.
4. *Guru meminta murid melaksanakan rekreasi aktif dalam kumpulan. Contoh aktiviti rekreasi aktif:
 - i. Murid dikumpulkan mengikut warna kegemaran mereka.
 - ii. Setiap kumpulan diberi pundi kacang pelbagai warna.
 - iii. Guru memberi arahan kepada murid seperti berikut:
 - Ambil pundi kacang merah, lakukan balingan bawah tangan dan sebagainya.
 - iv. Guru memberi bola pelbagai warna kepada setiap kumpulan.
 - v. Guru memberi arahan kepada murid seperti berikut:
 - Ambil bola hijau dan lambung kepada kawan. Kawan sambut dan lambung kepada kawan lain.
5. Guru dan murid melaksanakan aktiviti menyejukkan badan.

BAHAN SOKONGAN



PENDIDIKAN MUZIK

Objektif

Murid dapat:

- i. menyanyi dengan sebutan dan pic yang betul.
- ii. membuat pergerakan mengikut tempo.

Aktiviti:

1. Guru dan murid bercerita tentang warna yang terdapat di sekeliling mereka.
2. Guru memilih lagu yang sesuai dengan tema “warna”. Guru menyanyikan lagu menggunakan corak irama melodi yang dipilih. Murid mendengar.
3. Guru meminta murid menyanyi.
4. Guru dan murid menyanyi sambil melakukan pergerakan.

Contoh lirik lagu:

Merah, hijau, jingga, biru
Kuning, ungu, merah jambu
Coklat, hitam, putih, kelabu
Warna-warna kelilingku

Merah, hijau, jingga, biru
Kuning, ungu, merah jambu
Coklat, hitam, putih, kelabu
Semua warna kini ku tahu

* Cadangan aktiviti ini adalah berdasarkan kebolehan dan bakat murid yang pelbagai.

PENDIDIKAN SENI VISUAL

Objektif



Murid dapat:

- i. menghasilkan capan menggunakan pelbagai tumbuhan.
- ii. bercerita tentang karya sendiri.

Aktiviti:

1. Guru meminta murid membawa bahan semula jadi seperti kentang, bendi, pelepah pisang, daun dan terung.
2. Guru memberi warna air kepada murid dan menunjukkan cara membancuh warna air.
3. Guru meminta murid mencampur dua warna yang dibancuh untuk melihat perubahan warna. Murid menamakan warna baharu yang dihasilkan.
4. *Guru meminta murid menggunakan bahan semula jadi yang dibawa untuk menghasilkan capan menggunakan warna yang dibancuh mengikut kreativiti masing-masing.
5. Guru meminta murid bercerita tentang karya yang dihasilkan dan pengalaman penghasilan karya tersebut.

* Murid diberi keluwesan untuk menghasilkan karya berdasarkan kreativiti masing-masing.



PENDIDIKAN ISLAM

Objektif

Murid dapat:

- i. menyebut huruf awal bagi perkataan yang dipilih.
- ii. menyalin huruf jawi tunggal bagi perkataan yang dipilih dengan cara yang betul.
- iii. menyebut nama-nama warna dengan betul.

Aktiviti:

1. Guru meminta murid membuat pemerhatian di sekitar kelas/sekolah.
2. Guru meminta murid mengecam warna dan menyebut nama warna bagi objek yang ditemui di persekitaran.
3. Guru membimbing murid menyebut huruf jawi tunggal.
4. Guru meminta murid menyebut nama warna objek yang dipilih dan memadankan dengan huruf jawi tunggal yang betul (Contoh: kuning = Huruf kaf).
5. Guru meminta murid menyalin huruf jawi tunggal dengan cara yang betul.

Contoh:



kuning = ك



biru = ب

6. *Guru boleh mempelbagaikan aktiviti penghasilan huruf seperti menghasilkan huruf menggunakan doh dan menulis huruf di pasir.

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

PENDIDIKAN MORAL

Objektif

Murid dapat:

- i. menyatakan nilai yang terdapat dalam cerita yang didengar.
- ii. menyatakan amalan nilai yang harus diikuti.

Aktiviti:

1. Guru memperdengarkan cerita kepada murid. (Rujuk lampiran pada muka surat 48)
2. Guru meminta murid menjawab soalan berkaitan cerita yang didengar.
Contoh soalan:
 - i. Namakan tempat yang dilawati oleh murid Tahun 1 Delima.
 - ii. Siapakah nama guru mereka?
 - iii. Bagaimanakah murid Tahun 1 Delima menaiki bas?
 - iv. Apakah jenis bunga yang mereka telah lihat di taman bunga?
 - v. Apakah tugas yang Cikgu Salmah berikan?
 - vi. Apakah pesanan yang diberikan oleh Cikgu Salmah supaya pokok bunga yang ditanam tumbuh dengan baik?
 - vii. Pada pendapat anda, apakah yang diperlukan oleh pokok bunga untuk tumbuh dengan subur?
3. Guru meminta murid menyatakan nilai yang dipelajari melalui cerita.
4. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Bercerita tentang pengalaman mereka menanam dan menjaga tumbuhan. (tahap tinggi)
 - ii. Melukis pokok bunga mereka dan menyenaraikan perkara yang perlu mereka lakukan untuk menjaga pokok bunga mereka. (tahap sederhana)
 - iii. Melukis dan mewarna bunga kegemaran mereka. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.



Cerita:

Murid Tahun 1 Delima sangat gembira pada hari ini. Mereka akan menaiki bas bersama-sama untuk melawat taman bunga berdekatan sekolah mereka. Apabila bas sampai, semua murid Tahun 1 Delima beratur untuk menaiki bas. Kemudian bas pun bertolak dari sekolah. Apabila sampai di taman bunga, semua murid turun dari bas mengikut giliran dan beratur untuk memasuki taman bunga. Cikgu Salmah membeli tiket dan kemudian mereka memasuki taman bunga.

Mereka melihat bunga raya yang berwarna merah dan putih, bunga kemboja yang berwarna kuning serta bunga orkid yang mempunyai pelbagai warna. Mereka juga melihat bunga ros putih, merah, kuning dan jingga. Sook Wah dan Rema terhidu bunga ros yang wangi. Selepas selesai berjalan di sekeliling taman bunga, Cikgu Salmah menyuruh murid beratur untuk menaiki bas pulang ke sekolah.

Keesokan harinya, Cikgu Salmah membawa murid ke kebun sekolah. "Hari ini kita akan tanam keratan pokok bunga", kata Cikgu Salmah. Cikgu Salmah memberi pasu bunga, tanah, keratan pokok dan sarung tangan. Semua murid menanam keratan pokok dan menyiramnya. Cikgu Salmah memberi pesanan untuk menjaga pokok bunga mereka sendiri.

TEMA
ALAM SEKITAR

SUBTEMA
HAIWAN

Objektif

Murid dapat:

- i. menamakan jenis haiwan yang terdapat di persekitaran.
- ii. menyatakan nama haiwan peliharaan.
- iii. bercerita mengenai haiwan peliharaan.
- iv. menjawab soalan secara lisan dan bertulis.

Aktiviti:

1. Guru meminta murid menamakan jenis haiwan yang mereka lihat di persekitaran.
2. Guru menayang video atau menunjukkan gambar berkenaan haiwan.
3. Guru meminta murid menamakan haiwan yang dilihat dalam video atau gambar.
4. Guru meminta murid bercerita tentang haiwan peliharaan atau haiwan yang disukai.
5. Guru meminta murid membaca cerita pendek dan bersoal jawab dengan murid.
6. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menulis jawapan pemahaman berdasarkan petikan yang dibaca. (tahap tinggi)
 - ii. Melukis dan mewarna haiwan peliharaan atau haiwan kesukaan. (tahap sederhana)
 - iii. Mencantum *puzzle* dan menamakan haiwan yang dilihat. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

Objectives

Pupils can:

- i. understand the main idea in very simple phrases and sentences.
- ii. name animals.
- iii. describe animals using suitable words from word sets.

Activities:

1. Teacher plays audio of animal sounds. Pupils guess the sounds.
2. Teacher gives letter cards to each group. Pupils arrange letters to form words. Example: elephant, duck, spider, lizard, rat, dog, cat and frog.
3. Teacher puts up phrase strips for pupils to read, example: a big elephant, a small cat, a tiny rat.
4. Next, teacher puts up sentence strips for pupils to read.
Example:
 - i. I like my cat.
 - ii. I don't like rats.
 - iii. I like ducks.
5. *Teacher asks pupils to complete individual or group activities based on pupils' level and interests:
 - i. Pupils draw and write a sentence of their favourite animal. (high level)
 - ii. Pupils complete the crossword puzzle in their workbook. (medium level)
 - iii. Pupils draw and name their favourite animal. (low level)

Refer to Primary Year One Scheme of Work Lesson 79 (pages 191 & 192) and Superminds 1 (page 34).

* The suggested differentiated activities can be adapted according to your pupils' levels.

Objektif

Murid dapat:

- i. membandingkan kuantiti dua kumpulan objek.
- ii. menamakan nombor bagi kumpulan objek.
- iii. membilang dengan betul.
- iv. menyusun nombor dalam tertib menaik dan menurun.
- v. menulis nombor dalam angka dan perkataan.

Aktiviti:

1. Guru menunjukkan dua kumpulan haiwan. Murid menyatakan sama ada kumpulan yang ditunjukkan “lebih” atau “kurang”.
2. Guru menyuruh murid membilang kumpulan model atau gambar haiwan yang diberi.
3. Guru memberi murid beberapa kiub nombor. Murid menyusun kiub nombor mengikut tertib menaik atau menurun mengikut arahan guru.
4. Guru menjalankan permainan “Siapa Cepat Dia Dapat”. Arahan permainan adalah seperti berikut:
 - i. Guru menutup mata beberapa orang murid.
 - ii. Guru memberi murid beberapa model haiwan.
 - iii. Murid harus mengira bilangan haiwan dalam keadaan mata bertutup.
 - iv. Selepas mengira murid membuka penutup mata lalu berlari ke papan tulis dan menulis angka nombor serta perkataan.
 - v. Murid yang cepat dan betul adalah pemenang.
 - vi. Ulangi permainan dengan kumpulan murid yang lain.
5. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Bermain dam haiwan. (tahap tinggi)
 - ii. Melengkapkan lembaran kerja. (tahap sederhana)
 - iii. Membentuk angka menggunakan tanah liat/plastisin. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

Objektif

Murid dapat:

- i. menamakan haiwan.
- ii. mengenal pasti bahagian tubuh haiwan.
- iii. bercerita tentang kegunaan bahagian tubuh haiwan.

Aktiviti:

1. Guru menunjukkan keratan gambar satu bahagian tubuh haiwan (puzzle).
Contoh: ekor arnab. Murid meneka haiwan tersebut.
2. Guru meminta murid melengkapkan cantuman keratan gambar haiwan tersebut.
3. Guru dan murid melabel bahagian tubuh haiwan tersebut.
4. Guru bercerita tentang kegunaan bahagian tubuh haiwan kepada haiwan tersebut.
5. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Bercerita tentang kegunaan bahagian tubuh haiwan peliharaan mereka. (tahap tinggi)
 - ii. Melabel bahagian tubuh haiwan. (tahap sederhana)
 - iii. Menamakan haiwan. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

(KOMPONEN PENDIDIKAN JASMANI)

Objektif

Murid dapat:

- i. mengenal pasti pergerakan haiwan yang ditunjukkan.
- ii. menyanyi lagu "A, E, I, O, U".
- iii. melakukan pergerakan kreatif bagi lagu "A, E, I, O, U".

Aktiviti:

1. Guru dan murid melakukan latihan memanaskan badan.
2. Guru atau murid menunjukkan pergerakan haiwan secara kreatif.
3. Guru meminta murid meneka haiwan tersebut.
4. Guru menyanyikan lagu "A, E, I, O, U". Murid menyanyi lagu tersebut.
5. Guru menunjukkan pergerakan bagi lagu "A, E, I, O, U". Murid mengikut pergerakan yang dilakukan oleh guru.
6. Guru dan murid melakukan pergerakan sambil menyanyikan lagu "A, E, I, O, U".
7. Guru meminta murid memikirkan pergerakan lain yang sesuai untuk lagu tersebut dan membuat persembahan. Murid berlatih dalam kumpulan.
8. Guru dan murid melakukan latihan menyejukkan badan.

Sumber diperolehi daripada:

Buku teks Pendidikan Kesenian Tahun Satu, muka surat 50.

* Murid diberi keluwesan untuk melakukan pergerakan kreatif.

PENDIDIKAN MUZIK

Objektif

Murid dapat:

- i. mengajuk pic rendah dan tinggi.
- ii. menyanyi dengan sebutan yang betul.
- iii. menyanyi dengan pic yang betul.
- iv. bermain alat perkusi mengikut detik lagu.

Aktiviti:

1. Guru bercerita tentang kisah detektif yang ingin menyiasat tentang haiwan yang dilihat (Buku teks Pendidikan Kesenian Tahun Satu, muka surat 59).
2. Guru dan murid membaca lirik lagu "A, E, I, O, U".
3. Guru dan murid berbincang tentang haiwan dalam lirik lagu iaitu ayam, emu, ikan, obor-obor dan ular.
4. Guru menjalankan latihan mengajuk pic rendah dan tinggi.
5. Guru menyanyikan lagu dengan:
 - i. sebutan yang betul. (muka surat 59)
 - ii. pic yang betul. (muka surat 62)
6. Guru meminta murid menyanyi lagu dengan sebutan dan pic yang betul.
7. Guru membimbing murid cara bermain alat perkusi dengan betul. Murid bermain alat perkusi.
8. Guru menyuruh murid berlatih untuk menyanyi menggunakan alat perkusi.
9. *Guru meminta murid melakukan persembahan mengikut kumpulan:
 - i. Kumpulan Satu : Menyanyi lagu dengan sebutan dan pic yang betul.
 - ii. Kumpulan Dua : Murid bermain alat perkusi.

Sumber diperolehi daripada:

Buku teks Pendidikan Kesenian Tahun Satu, muka surat 59 & 62.

* Cadangan aktiviti ini adalah berdasarkan kebolehan dan bakat murid yang pelbagai.



PENDIDIKAN SENI VISUAL

Objektif

Murid dapat:

- i. menyurih gambar haiwan.
- ii. melukis gambar haiwan.
- iii. menghasilkan mobail haiwan yang stabil.
- iv. bercerita tentang karya yang dihasilkan.

Aktiviti:

1. Guru menyuruh murid menamakan haiwan yang digemari.
2. Guru menunjukkan cara menghasilkan burung menggunakan teknik origami. Murid melipat kertas warna untuk menghasilkan burung.
3. Guru menunjukkan cara menghasilkan mobail mudah menggunakan origami yang dihasilkan.
4. *Guru menyuruh murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan:
 - i. Melukis gambar haiwan.
 - ii. Membentuk haiwan menggunakan teknik origami.
 - iii. Menyurih haiwan menggunakan stensil.
 - iv. Menghasilkan mobail dari bentuk haiwan yang digemari.
5. Guru meminta murid bercerita tentang karya yang dihasilkan dan pengalaman penghasilan karya tersebut.

* Murid diberi keluwesan untuk menghasilkan karya berdasarkan kreativiti masing-masing.

PENDIDIKAN MORAL

Objektif

Murid dapat:

- i. bercerita tentang haiwan kesayangan mereka.
- ii. menyatakan cara menjaga kebersihan dan keselamatan haiwan kesayangan mereka.
- iii. berbincang tentang haiwan yang berkeliaran.

Aktiviti:

1. Guru meminta murid memperihalkan tentang haiwan kesayangan mereka.
2. Guru dan murid berbincang tentang cara menjaga haiwan peliharaan. Contoh: makanan yang diberi, cara membersihkan haiwan atau tempat tinggal dan cara menjaga keselamatan haiwan.
3. Guru meminta murid bercerita tentang haiwan yang berkeliaran di persekitaran mereka.
4. Guru dan murid berbincang tentang kasih sayang dan tanggungjawab manusia terhadap haiwan.
5. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan, berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menulis diari penjagaan haiwan peliharaan. (tahap tinggi)
 - ii. Melukis cara menjaga haiwan peliharaan. (tahap sederhana)
 - iii. Bercerita tentang haiwan peliharaan. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

TEMA
DIRI SAYA

SUBTEMA
TUBUH SAYA

BAHASA MELAYU

Objektif

Murid dapat:

- i. menyebut huruf vokal dalam perkataan.
- ii. menyebut huruf konsonan dalam perkataan.
- iii. membaca perkataan dengan sebutan yang betul.

Aktiviti:

1. Guru menunjukkan anggota badan anak patung.
2. Guru meminta murid menamakan anggota badan yang ditunjukkan.
3. Guru menyebut nama anggota badan dan murid menunjukkan anggota badan mereka.
4. Guru meminta murid mengecam huruf vokal dan konsonan yang terdapat dalam kad perkataan.


Contoh:

Huruf vokal

kaki

Huruf konsonan

kaki



Carta anggota badan

5. Guru meminta murid memadankan kad nama anggota badan dengan bahagian badan yang betul pada carta yang disediakan oleh guru.
6. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menyebut frasa mudah berdasarkan anggota badan yang dipilih. (tahap tinggi)
 - ii. Mengeja perkataan berdasarkan anggota badan dengan cara yang betul. (tahap sederhana)
 - iii. Menyebut huruf vokal dan konsonan yang terdapat pada kad perkataan yang diberi. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.


Objectives

Pupils can:

- i. name parts of the body correctly.
- ii. describe their physical attributes correctly.

Activities:

1. Teacher asks pupils to identify and name the body parts shown by teacher correctly.
2. Teacher sings 'Head, Shoulders, Knees and Toes'. Pupils listen.
3. Teacher asks pupils to sing the song.
4. Teacher instructs pupils to match the word cards to the correct body parts.
5. Teacher asks pupils to talk about features of the body parts. (i.e.: long legs, black hair, small nose, etc).
6. Teacher asks pupils to pick one friend and describe his/her physical attributes.
7. *Teacher instructs pupils to complete individual or group activity based on pupils' level and interest:
 - i. Pupils talk about physical features of friends using correct pronunciation. (high level)
 - ii. Pupils match the word cards to the correct body parts. (medium level)
 - iii. Pupils name the body part pointed by the teacher. (low level)



* The suggested differentiated activities can be adapted according to your pupils' levels.

Objektif

Murid dapat:

- i. mengenal alat yang digunakan untuk mengukur ketinggian dan berat badan.
- ii. mengenal unit relatif untuk mengukur ketinggian dan berat badan.
- iii. mengukur dan mencatat berat badan dan ketinggian rakan.

Aktiviti:

1. Guru menunjukkan alat penimbang berat badan dan pengukur ketinggian badan.
2. Guru dan murid berbincang tentang kegunaan dan unit relatif yang digunakan dalam kedua-dua alat tersebut. (sentimeter, meter dan kilogram)
3. Guru membimbing murid cara menggunakan alat penimbang berat badan dan pengukur ketinggian badan dengan betul.
4. Guru mengukur berat badan dan ketinggian badan murid.
5. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Mengukur dan mencatat berat badan dan ketinggian rakan. (tahap tinggi)
 - ii. Menyatakan unit relatif untuk mengukur ketinggian dan berat badan. (tahap sederhana)
 - iii. Mengenal pasti alat mengukur ketinggian dan berat badan. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

SAINS

Objektif

Murid dapat:

- i. menyatakan keperluan asas manusia.
- ii. menyenaraikan makanan yang berkhasiat untuk menjaga kesihatan badan.
- iii. menerangkan kesan ke atas tubuh badan jika makan secara tidak sihat.

Aktiviti:

1. Guru menayangkan video “Keperluan Asas Manusia” kepada murid.
2. Guru dan murid berbincang tentang kandungan video.
3. Guru dan murid berbincang tentang poster “Jika Saya Makan Secara Tidak Sihat”.
4. Guru meminta murid menyenaraikan makanan berkhasiat dan tidak berkhasiat.
5. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menerangkan kesan ke atas tubuh badan jika makan secara tidak sihat. (tahap tinggi)
 - ii. Menyenaraikan makanan yang berkhasiat untuk menjaga kesihatan badan. (tahap sederhana)
 - iii. Menyenaraikan keperluan asas manusia untuk hidup. (tahap rendah)

Sumber diperolehi daripada:

Video : <https://bit.ly/3gdIZA2> (Aina Anuar)

Poster : <https://bit.ly/3KZR9de>

(Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia)

- * Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.



(KOMPONEN PENDIDIKAN KESIHATAN)

Objektif

Murid dapat:

- i. melabelkan anggota tubuh.
- ii. menjelaskan kepentingan menjaga kebersihan anggota tubuh.
- iii. menyatakan kesan sekiranya mengabaikan penjagaan kebersihan pakaian dan alatan keperluan diri.

Aktiviti:

1. Guru membimbing murid mengenal pasti dan melabelkan anggota tubuh.
2. Guru dan murid berbincang tentang kepentingan menjaga kebersihan anggota tubuh.
3. Guru dan murid berbincang tentang kesan sekiranya mengabaikan penjagaan kebersihan pakaian dan alatan keperluan diri.
4. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menyatakan kepentingan menjaga kebersihan anggota tubuh. (tahap tinggi)
 - ii. Menyatakan cara-cara penjagaan kebersihan pakaian dan alatan keperluan diri. (tahap sederhana)
 - iii. Melabelkan anggota tubuh pada carta yang disediakan oleh guru. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

PENDIDIKAN MUZIK

Objektif

Murid dapat:

- i. bernyanyi dengan sebutan yang betul.
- ii. bernyanyi dengan pic yang betul.
- iii. melakukan pergerakan berdasarkan detik lagu.

Aktiviti:

1. Guru meminta murid menyatakan cara-cara menjaga kebersihan diri.
2. Guru memperdengarkan lagu "Dandan Diri". (Buku Teks Pendidikan Kesenian Tahun Satu - muka surat 33)
3. Guru membimbing murid menyanyi dengan sebutan yang betul.
4. Guru membimbing murid menyanyi dengan pic yang betul.
5. Guru meminta murid memikirkan pergerakan yang sesuai bagi lagu ini.
6. *Guru meminta murid melakukan persembahan mengikut kumpulan:
 - i. Kumpulan Satu: Menyanyikan lagu dengan sebutan yang betul.
 - ii. Kumpulan Dua: Melakukan pergerakan yang sesuai berdasarkan detik lagu.

Sumber diperolehi daripada:

Buku teks Pendidikan Kesenian Tahun Satu, muka surat 33.

* Cadangan aktiviti ini adalah berdasarkan kebolehan dan bakat murid yang pelbagai.



PENDIDIKAN SENI VISUAL

Objektif

Murid dapat:

- i. menghasilkan boneka anak patung dengan kreatif.
- ii. menyatakan bentuk dan warna yang terdapat pada boneka yang dihasilkan.
- iii. bercerita tentang karya sendiri.

Aktiviti:

1. Guru meminta murid menyebut anggota badan masing-masing.
2. Guru meminta murid mengenal pasti bentuk anggota badan. (Contoh: muka - bulat/bujur, mata - bulat)
3. Guru meminta murid mengumpulkan bahan kitar semula .
4. Guru meminta murid menghasilkan boneka anak patung menggunakan bahan kitar semula seperti kain, botol dan butang dengan bimbingan guru.
5. Guru meminta murid menceritakan pengalaman dan perasaan menghasilkan boneka tersebut.

* Murid diberi keluwesan untuk menghasilkan boneka berdasarkan kreativiti masing-masing.



Objektif

Murid dapat:

- i. menyatakan cara-cara menjaga kebersihan diri mengikut sunah Rasulullah SAW.
- ii. menyatakan kepentingan menjaga kebersihan diri mengikut sunah Rasulullah SAW.
- iii. melakukan simulasi menjaga kebersihan diri mengikut sunah Rasulullah SAW.

Aktiviti:

1. Guru meminta murid menyatakan nama anggota tubuh.
2. Guru menunjukkan peralatan kebersihan diri seperti berus gigi, syampu dan sabun. Guru meminta murid mengemukakan nama peralatan tersebut.
3. Guru meminta murid memadankan peralatan kebersihan diri dengan anggota tubuh yang sesuai. Contoh berus gigi - gigi, syampu - rambut, sabun - badan.
4. Guru meminta murid menyatakan cara menjaga kebersihan diri/anggota tubuh mengikut sunah Rasulullah SAW berdasarkan peralatan yang dipadankan.
5. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Murid melakukan simulasi menjaga kebersihan diri dan menghuraikannya. (tahap tinggi)
 - ii. Murid menyatakan kepentingan menjaga kebersihan diri. (tahap sederhana)
 - iii. Murid menyatakan cara menjaga kebersihan diri. (tahap rendah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.

PENDIDIKAN MORAL

Objektif

Murid dapat:

- i. menyatakan cara menjaga kebersihan diri.
- ii. menjelaskan kesan tidak menjaga kebersihan diri.
- iii. menyatakan nilai moral iaitu kasih sayang dan tanggungjawab.

Aktiviti:

1. Guru menayangkan video "Kebersihan Diri".
2. Guru meminta murid menyenaraikan cara menjaga kebersihan diri.
3. Guru meminta murid menyenaraikan peralatan/bahan yang boleh digunakan untuk menjaga kebersihan diri.
4. Guru membuat hubungkait penjagaan kebersihan diri dengan nilai kasih sayang dan tanggungjawab.
5. Guru dan murid berbincang tentang kesan tidak menjaga kebersihan diri.
6. *Guru meminta murid melaksanakan aktiviti secara individu atau kumpulan berdasarkan tahap dan minat murid:
 - i. Menjelaskan kesan tidak menjaga kebersihan diri. (tahap tinggi)
 - ii. Pilih gambar peralatan/bahan kebersihan diri. (tahap sederhana)
 - iii. Pilih gambar murid yang mengamalkan kebersihan diri. (tahap rendah)

Sumber diperolehi daripada:

Video : <https://bit.ly/3L3oLHm> (Cikgu Assaadah)

* Cadangan aktiviti terbeza ini boleh diubah suai mengikut tahap murid masing-masing.



Lampiran





SENARAI SEMAK KESEDIAAN MURID

SENARAI SEMAK KESEDIAAN MURID PROGRAM TRANSISI TAHUN SATU 2.0

Tandakan ✓ jika murid menguasai

A. Penyesuaian Diri

- i. Dapat menunjukkan minat datang ke sekolah
- ii. Dapat mengurus diri sendiri
- iii. Dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah
- iv. Dapat mematuhi peraturan kelas
- v. Dapat berinteraksi dengan guru
- vi. Dapat berinteraksi dengan rakan
- vii. Dapat melaksanakan tugas secara berdikari
- viii. Dapat menjaga kebersihan diri

B. Sikap Dalam Pembelajaran

- i. Dapat menunjukkan minat dalam pembelajaran
- ii. Dapat menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan tugas
- iii. Dapat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti
- iv. Dapat memberi perhatian yang baik

SENARAI SEMAK KESEDIAAN MURID PROGRAM TRANSISI TAHUN SATU 2.0

Tandakan ✓ jika murid menguasai

C. Perkembangan Kognitif


- | | |
|--------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| i. Dapat mengenal dan menyebut huruf | <input type="checkbox"/> |
| ii. Dapat memegang pensel dengan cara yang betul | <input type="checkbox"/> |
| iii. Dapat menulis huruf | <input type="checkbox"/> |
| iv. Dapat membaca perkataan | <input type="checkbox"/> |
| v. Dapat membaca frasa | <input type="checkbox"/> |
| vi. Dapat membaca ayat mudah | <input type="checkbox"/> |
| vii. Dapat mengenal dan menyebut nombor 1 hingga 20 | <input type="checkbox"/> |
| viii. Dapat menulis nombor | <input type="checkbox"/> |
| ix. Dapat memadankan angka dengan nama nombor | <input type="checkbox"/> |
| x. Dapat menyelesaikan operasi tambah dalam lingkungan 18 | <input type="checkbox"/> |
| xi. Dapat mengecam, membeza dan mengelas seperti warna, bentuk dan objek | <input type="checkbox"/> |



CONTOH AKTIVITI SUAI KENAL

Permainan Bola

1. Letakkan bola ping pong yang bertanda dengan nombor ke dalam kotak.
2. Murid memilih secara rawak bola ping pong tersebut dan menjawab soalan.



Bilangan bola ping pong bergantung kepada bilangan soalan.

Contoh soalan:

- a. Apakah haiwan yang anda suka?
- b. Apakah warna berus gigi anda?
- c. Apakah rancangan TV kegemaran anda?
- d. Berapakah bilangan adik-beradik anda?
- e. Bilakah hari lahir anda?
- f. Bagaimanakah anda datang ke sekolah?

Topi Saya!

1. Murid membuat topi pesta dan menghias mengikut kreativiti serta menulis nama mereka.
2. Murid memakai topi yang dihasilkan.
3. Galakkan murid membaca dan menyebut nama pada topi rakan.




Kita Serupa

1. Murid berdiri dalam bulatan.
2. Guru memberi arahan, "Siapa yang pernah ke zoo, kumpul di tengah".
3. Minta beberapa orang murid di tengah bulatan menceritakan pengalaman melawat zoo.
4. Murid kembali ke bulatan.
5. Ulang semula langkah di atas dengan arahan lain seperti:
 - i. "Siapa ada adik lelaki, kumpul di tengah"
 - ii. "Siapa suka bermain bola, kumpul di tengah"

Kapal Terbang Saya

1. Setiap murid diberi sehelai kertas dan diminta menggambarkan diri sendiri. (Tidak dibenarkan menulis nama dalam kertas)
2. Murid membuat origami kapal terbang menggunakan kertas tersebut dan meluncurkan ke udara.



3. Setiap murid diminta mengutip satu kapal terbang dan membukanya.
4. Cari rakan berdasarkan gambaran pada kertas tersebut.

Di Mana Saya?


1. Guru meminta murid menunjukkan objek atau individu seperti arahan berikut:
Tunjukkan saya:
 - i. Objek yang berwarna
 - ii. Di mana ... (nama murid)
 - iii. Tempat duduk ... (nama murid)
 - iv. Murid yang memakai cermin mata

Ceritalah...

1. Guru menyediakan 6 cawan kertas yang dilekatkan nombor 1 - 6. Setiap cawan kertas akan mempunyai tajuk cerita yang berbeza.
2. Murid memilih satu nombor.
3. Murid bercerita berdasarkan nota yang terdapat dalam cawan kertas yang dipilih.

Contoh tajuk cerita:

- a. Apakah haiwan yang anda suka?
- b. Sesuatu mengenai semalam
- c. Sesuatu tentang masa kecil anda
- d. Sesuatu yang anda pelajari minggu lalu
- e. Sesuatu yang anda suka
- f. Sesuatu yang anda tonton atau dengarkan



Mata mata melihat .../Telinga telinga mendengar...

1. Guru memulakan permainan dengan menyebut: "Mata...mata, dengan mata saya nampak sesuatu yang bermula dengan huruf 'A'".
2. Murid mencari objek yang bermula dengan huruf 'A' dan menyebut nama objek tersebut.

Nota:

Permainan boleh diubah suai seperti berikut:

- Mata...mata, dengan mata saya nampak sesuatu yang berwarna...
- Mata...mata, dengan mata saya nampak sesuatu yang tinggi



Lawatan Sekitar Sekolah

1. Guru membawa murid melawat ke sekitar kawasan sekolah.
2. Murid menyediakan senarai semak berkaitan kawasan di sekitar sekolah dengan bimbingan guru.
3. Semasa lawatan, murid diminta mengenal pasti kawasan di sekitar sekolah berdasarkan senarai semak yang disediakan.
4. Selepas lawatan, murid menceritakan semula tentang kawasan yang telah dilawati dan pengalaman atau perasaan masing-masing.






CONTOH AKTIVITI PEMBELAJARAN



LITERASI ASAS

Telur Pecah

1. Aktiviti dilaksanakan secara kumpulan.
2. Murid bekerjasama dengan rakan untuk memadamkan huruf besar dan huruf kecil.
3. Kumpulan yang paling cepat menghabiskan tugas dan dapat menyebut nama huruf dengan betul dikira sebagai pemenang.



Guru perlu menyediakan set *puzzle* telur (A-Z) berdasarkan bilangan kumpulan dalam kelas.

Doh Huruf

1. Murid membuat doh.
2. Murid membentuk doh menjadi huruf perkataan.

Resepi doh:

2 cawan tepung gandum
1 cawan garam halus
3 sudu makan minyak masak
1 cawan air pewarna makanan

Sampaikan Pesanan


1. Aktiviti dilaksanakan secara kumpulan.
2. Murid yang pertama dalam barisan memilih kertas yang mengandungi satu ayat daripada kotak secara rawak.
3. Murid perlu membaca dan menghafal ayat tersebut dan menyampaikan kepada murid yang kedua secara berbisik.

**Di sekitar sekolah
saya ada pokok
bunga.**

4. Aktiviti ini akan diteruskan sehingga ke murid yang terakhir dalam kumpulan. Kumpulan yang dapat menghabiskan giliran dengan cepat dan menyebut semula ayat dengan betul dikira sebagai pemenang.

Corak Ikan

1. Murid diberikan gambar ikan.
2. Murid melempar dadu dan melukis satu garisan berdasarkan titik pada permukaan dadu yang diperolehi.
3. Aktiviti ini dilakukan mengikut giliran sehingga selesai.





NUMERASI ASAS


Carta Jantina Kelas

1. Murid diberi pelekat berwarna merah.
2. Setiap murid meletakkan pelekat mengikut jantina masing-masing pada carta yang disediakan.
3. Murid mengira bilangan murid perempuan dan lelaki berdasarkan carta.


Perempuan	●	●	●	●	●	●	●	●	●			
Lelaki	●	●	●	●	●	●						

Lebih @ Kurang

1. Guru menunjukkan kumpulan objek dan meminta murid meletakkan objek yang lebih atau kurang daripada kumpulan objek tersebut.




2. Guru menggantikan objek dengan nombor, contohnya nombor 4 dan meminta murid meletakkan nombor “lebih daripada 4” atau “kurang daripada 4”.




Mencari Nombor Yang Hilang

1. Murid mengambil batang aiskrim secara rawak.
2. Murid mengenal pasti nombor yang hilang pada batang aiskrim dan mencari pengepit kain yang ada nombor tersebut.



Ulat Makan Epal

1. Murid memilih kad gambar epal secara rawak dan menyebut nombor pada kad tersebut.
2. Murid membuat lubang pada epal berdasarkan nombor pada kad.



Membuat Rantai

1. Guru menunjuk rantai menggunakan kertas warna yang disusun mengikut pola.
2. Murid mengenal pasti warna dan menceritakan tentang pola rantai tersebut.
3. Murid menghasilkan rantai kertas mengikut pola masing-masing.



Mari Menyusun

1. Murid secara bergilir-gilir menyusun rakan mengikut turutan ketinggian.
2. Aktiviti boleh diubah suai, seperti menyusun kasut (kecil-besar), menyusun pensel warna (panjang-pendek) dan menyusun beg sekolah (besar-kecil).





SOALAN LAZIM

(FAQ)



PENTADBIR



Penetapan jadual waktu dibuat bermula Fasa Penyesuaian atau bermula Fasa Kesediaan?

Semasa Fasa Penyesuaian, pihak sekolah perlu mengikut cadangan peruntukan masa seperti di dalam Kit PPTS 2.0. Semasa Fasa Kesediaan pula, jadual waktu adalah sebagaimana penyusunan jadual untuk Tahun 1.

Adakah guru selain guru Tahun 1 (seperti guru bimbingan dan kaunseling) boleh dilibatkan semasa program transisi ini berjalan?



Ya, guru lain (selain guru yang mengajar Tahun 1) boleh dilibatkan dalam pelaksanaan program transisi ini. Walau bagaimanapun, guru Tahun 1 adalah guru yang paling sesuai untuk menjalankan program ini kerana mereka akan terus mengajar murid tersebut dan ini dapat membantu murid dalam proses transisi dari segi sosioemosi.



Sebagai guru besar, adakah saya perlu memberi pendedahan tentang program transisi kepada semua guru di sekolah?

Ya.

Semasa Fasa Penyesuaian, adakah seorang guru mencukupi untuk mengendalikan program sepanjang hari?



Pihak pentadbir boleh menggunakan budi bicara dalam mengatur guru bagi mengendalikan program transisi. Sekiranya, jumlah murid yang ramai dalam satu-satu kelas, dua orang guru boleh mengendalikan kelas sepanjang hari.



Apakah peranan pihak pentadbir sepanjang program transisi dijalankan?

Pentadbir harus melaksanakan perancangan yang rapi dan menjalankan pemantauan bagi memastikan program ini dijalankan dengan lancar.



GURU



Selepas Fasa Penyesuaian, bolehkah murid ditempatkan dalam kelas tertentu mengikut tahap perkembangan mereka?

Tidak, murid perlu berada dalam kelas yang sama sepanjang proses pembelajaran mereka di Tahun 1.

Bolehkah guru menentukan/membuat pengubahsuaian cadangan peruntukan waktu bagi Fasa Penyesuaian?



Tidak.



Bolehkah guru melaksanakan Fasa Penyesuaian sepenuhnya dalam Bahasa Cina/Bahasa Tamil bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (atau perlu juga menggunakan Bahasa Melayu)?

Guru boleh melaksanakan Fasa Penyesuaian menggunakan bahasa pengantar masing-masing.

Adakah guru boleh menggunakan aktiviti lain dalam Fasa Penyesuaian yang guru telah gunakan pada tahun-tahun sebelum ini?



Ya, sekiranya ia dapat mencapai objektif Fasa Penyesuaian dan sesuai dengan tahap perkembangan murid.

Sekiranya, murid tidak dapat menguasai literasi dan numerasi asas selepas program transisi, apakah tindakan guru selanjutnya?



Guru harus merancang PdP yang sesuai dan memastikan murid dapat menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terkandung dalam DSKP Tahun 1 supaya mereka dapat menguasai literasi dan numerasi asas.



Bagaimanakah guru merekod tahap perkembangan murid semasa program transisi?

Guru boleh menggunakan templat pelaporan PBD mata pelajaran Tahun 1 sedia ada.

Bagi murid berkeperluan khas, apakah perkara penting yang perlu dilaksanakan oleh guru semasa mereka di kelas?



Guru harus memastikan murid dapat mengurus diri dan emosi mereka sebelum memulakan PdP secara formal.



Aktiviti yang disarankan dalam Kit PTTS 2.0 adalah tidak sesuai dengan murid, bolehkah guru menggunakan aktiviti lain?

Guru diberi keluwesan menyediakan aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan tahap murid mengikut kreativiti masing-masing.



Apakah yang perlu guru lakukan sekiranya murid tidak dapat menguasai tahap kesediaan yang telah ditetapkan selepas tamat tempoh masa Fasa Kesediaan?

Murid akan meneruskan sesi pembelajaran Tahun 1 dan guru perlu merancang PdP yang sesuai dengan tahap murid tersebut.

Apakah yang perlu guru lakukan sekiranya terdapat murid daripada tahap kesediaan yang berbeza dalam sesuatu kelas?



Guru perlu merancang aktiviti terbeza mengikut tahap kesediaan murid tersebut.



BROSUR



Peranan Guru

memahami konsep dan pelaksanaan program

berbincang dan merancang dengan guru lain yang terlibat

Memastikan murid dapat menguasai literasi dan numerasi asas

melaksanakan pentaksiran

menyediakan pelbagai aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan



Maklumat Lanjut



<http://bpk.moe.gov.my>

Hubungi Kami

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, 6 - 8 Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya
03-88842000

PROGRAM TRANSISI TAKUN SATU 2.0



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Program Transisi Tahun Satu 2.0 (PTTS 2.0)

PTTS 2.0 merupakan satu program yang dirangka untuk menyediakan murid menghadapi perubahan, menyesuaikan diri dan membina keyakinan diri mereka di sekolah rendah.



Objektif

- 1 Membantu murid menghadapi perubahan kepada pendidikan formal di Tahun 1.
- 2 Membantu murid menyesuaikan diri dan membina keyakinan diri dalam pembelajaran seterusnya.
- 3 Memberi penekanan dalam aspek sosioemosi, kognitif dan jasmani yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai.
- 4 Membina hubungan antara murid dengan rakan sebaya dan guru.
- 5 Membantu murid mengurus diri sendiri.
- 6 Meningkatkan keyakinan murid dan membentuk sikap positif dalam interaksi sosial serta pembelajaran.



Tempoh

Dilaksanakan selama empat minggu

Kandungan Program

Fasa Penyesuaian

dilaksanakan selama dua minggu pengisian-aktiviti suai kenal, aktiviti fizikal, aktiviti rutin, aktiviti pembelajaran, perbualan awal dan rehat



Fasa Kesediaan

dilaksanakan selama dua minggu guru memilih tema yang sesuai berdasarkan minat, latar belakang dan persekitaran murid menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk pembelajaran seterusnya mengikut tahap perkembangan murid



Peranan Ibu Bapa

menyediakan anak dari aspek mental, sosioemosi dan fizikal

berhubung dengan guru untuk mengetahui perkembangan anak

memerhati perkembangan, tingkah laku, dan pembelajaran anak

membantu meningkatkan keyakinan anak

memastikan kelengkapan pembelajaran



Peranan Pentadbir

merancang dan menyelaras program

mengenal pasti guru yang terlibat

bekejasama dengan PIBG/LPS

mengadakan taklimat kepada guru dan ibu bapa

memberi sokongan dan bimbingan kepada guru



JAWATANKUASA PENGUBAL

Penasihat

Haji Azman bin Haji Adnan
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Pengerusi

Hajah Nooraini binti Kamaruddin
Menjalankan tugas
Timbalan Pengarah Kanan
Kluster Dasar Sains & Teknologi
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Naib Pengerusi

Zurina binti Zulkarnain
Timbalan Pengarah
Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Ketua Editor

Regina a/p Joseph Cyril
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Editor

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Maria Ulfah binti Abdullah Saud
Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Ilustrasi dan Susun Atur

Suthagar a/l Periannan
Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PANEL PENULIS

1. Regina a/p Joseph Cyril Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
2. Harlina binti Muhamad Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
3. Hor Lee Lan Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
4. Dr. Siew Siew Kim Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
5. Saripah Faridah binti Syed Khalid Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
6. Tajul Effandy Bin Hassan Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
7. Maria Ulfah binti Abdullah Saud Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
8. Mujimah binti Mujim Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
9. Nurbaity binti Ahmad Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
10. Suthagar a/l Periannan Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
11. Anwar Ridhwan bin Razali Sektor Prasekolah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

ISBN 978-967-420-647-5



9 7 8 9 6 7 4 2 0 6 4 7 5

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, 6 - 8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel:03-8884 2000 Faks: 03-8888 9917**